

21 APR 1996

Mahathir-Malcon

MAHATHIR KESAL BARAT TIDAK IKHLAS IKTIRAF BOSNIA

Oleh: Mokhtar Hussain

LIVNU (BOSNIA-HERZEGOVINA), 21 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal terhadap sikap sesetengah kuasa Barat dalam usaha damai di Bosnia-Herzegovina sehingga ada yang mendakwa mereka tidak seharusnya mengiktiraf negara itu dari awal lagi.

"Ramai pemimpin mereka telah berkata kepada saya bahawa kesilapan mereka ialah mengiktiraf Bosnia. Menurut mereka, kalau mereka tidak iktiraf pada peringkat awal, Bosnia kini sudah menjadi milik Serb dan tidak lagi ada apa-apa masalah," kata Perdana Menteri kepada anggota tentera Kontinjen Malaysia (Malcon) yang berkhidmat di bawah Pasukan Pelaksana bawah naungan NATO di sini, kira-kira 200 km dari Sarajevo, pada tengahari semalam.

Kuasa-kuasa Barat selama ini bukan benar-benar mahu menolong tetapi mereka hanya mahu menunjukkan kepada dunia kononnya mereka telah melakukan sesuatu untuk menyelesaikan konflik itu, katanya.

Sebaliknya, kata beliau, kuasa-kuasa Barat itu tidak pula menyatakan bahawa mereka juga telah melakukan kesalahan ketika mengiktiraf Croatia dan Solvenia yang turut terlibat dalam konflik di Balkan.

"Mereka sebenarnya hanya mahu melihat Croatia dan Slovenia menjadi negara yang bebas dan membiarkan orang Bosnia dihapuskan oleh Serb," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Livnu lebih dua jam untuk bertemu anggota tentera Malaysia ketika dalam perjalanan dari Sarajevo ke Skopje, Macedonia.

Beliau dan rombongan menaiki pesawat Chinook tentera British dari Split ke pengkalan tentera itu yang mengawal kawasan yang majoriti penduduknya berbangsa Croat.

Dr Mahathir berkata Malaysia membantu rakyat Bosnia bukan semata-mata mereka beragama Islam tetapi lebih kerana mahu memperjuangkan hak asasi manusia.

"Kita berpendapat kali ini ialah giliran orang lain. Mungkin satu hari nanti, giliran kita dan apabila kita memerlukan pertolongan, mungkin kita tidak dapat pertolongan dari orang yang kita pernah tolong.

"Tetapi sekurang-kurangnya dunia tahu kita bukan sahaja tahu bercakap mahu menolong dan turut mengambil tindakan yang bermakna seperti menghantar tentera," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan kebimbangannya terhadap kemungkinan Pasukan Pelakasana damai tidak benar-benar merampas senjata daripada pengganas Serb yang akan memungkinkan mereka sekali lagi bertindak ganas terhadap rakyat Bosnia yang tidak bersenjata.

Dr Mahathir berkata, Malaysia telah lama menulis surat kepada pemimpin-pemimpin dunia seperti Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Perdana Menteri Britain John Major dan Presiden Perancis Jacques Chirac supaya segera bertindak menyekat pihak Serb daripada terus membunuh rakyat Bosnia.

"Malangnya mereka tidak mahu berbuat demikian dengan alasan jika mereka bertindak, keadaan akan menjadi lebih buruk lagi.

"Tetapi jelas apabila hanya dengan beberapa serangan roket sahaja, pihak Serb sudah mengaku kalah. Serb sebenarnya tidak sekuat mana, cuma kerana mereka memiliki senjata yang pihak Bosnia tidak dibenarkan," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan tentera Malaysia di Bosnia supaya bertugas dengan penuh kesedaran untuk membantu rakyat Bosnia di samping

memastikan diri mereka tidak ditawan sehingga menjadi tebusan Serb.

"Mereka seharusnya menteladani keberanian penduduk di Sarajevo yang tidak meninggalkan bandar itu walaupun di serang "semata-mata kerana mereka sayangkan negara mereka," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia akan terus menghantar tenteranya ke Bosnia selagi dikehendakki oleh kerajaan Bosnia walaupun terpaksa menanggung perbelanjaan sendiri.

Pihak Persekutuan Bosnia juga berhasrat menghantar ahli-ahli politiknya ke Malaysia untuk meninjau keadaan masyarakat berbilang kaum hidup aman damai tanpa sengketa.

Ketika di situ, Dr Mahathir mendengar taklimat oleh Komanden Malcon, Kol Mohd Raih Ismail, sebelum makan tengahari bersama-sama anggota tentera negara. Malaysia mempunyai kira-kira 1,600 anggota tentera di Bosnia.

Menurut Kol Mohd Raih, pasukan tentera Malaysia tidak menghadapi masalah menjalankan tugas mereka kerana penduduk tempatan di kawasan itu memberi kerjasama baik.

Beliau berkata, selain rondaan pemeriksaan, tentera negara juga terlibat dalam kerja kebajikan seperti memperbaiki jalan, bangunan serta memberi khidmat perubatan dan pergigian kepada penduduk sekitar.

Semasa di Sarajevo sebelum itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melawat kawasan sekitar bandar yang mengalami kemusnahan teruk akibat serangan bom dan roket pengganas Serb.

Beliau dibawa menyaksikan kemusnahan Perpustakaan Nasional di bandar itu yang jelas memperlihatkan niat buruk Serb yang mahu memusnahkan keseluruhan bangsa dan tamaddun Bosnia.

Beliau juga melawat kawasan "bazaar" bandar itu dan tanah perkuburan rakyat Bosnia yang mati syahid semasa perang empat tahun itu. -- BERNAMA

MOK PR